

29/06/2000

PM rasmi pameran pakaian Islam, Barat

KUALA LUMPUR, Rabu - Orang ramai berpeluang menyaksikan koleksi pakaian lelaki dan wanita yang menunjukkan perkembangan pakaian Islam dan Barat di Pameran Pakaian Untuk Badan, Badan Untuk Pakaian yang akan dirasmikan oleh Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad di Muzium Kesenian Islam, esok.

Pengarah Muzium Stibbert, Florence, Itali, Dr Roberta Orsi Landini berkata, koleksi itu adalah milik Muzium Stibbert dan diadakan melalui sokongan padu daripada Kedutaan Republik Itali.

"Antara bahan pameran terpenting ialah pakaian `dublet' kulit yang berpad serta bersulam sutera dan emas, pakaian ketenteraan yang juga digunakan sebagai pakaian harian, dan kasut dari abad ke-16 dan 17," katanya pada sidang akhbar di sini hari ini.

Turut dipamer Kasut `chopines' yang bertumit platform setinggi 30 sentimeter, pakaian sutera berkait, pakaian bergemerlapan dengan sulaman sutera dan benang emas, korset dan pakaian dalam wanita.

(END)